

PELAKSANAAN PEDAGOGI INKLUSIF BAGI KURSUS LITERASI NOMBOR DI IPG KAMPUS ILMU KHAS

Khalidah binti Othman, Haslina binti Jaafar, Norzamziah binti Md Noor &
Noriah binti Hj. Mohd Din*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan pedagogi inklusif bagi kursus Literasi Nombor dalam kalangan siswa pendidik PISMP Ambilan Januari 2014 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Tinjauan adalah meliputi amalan pedagogi pensyarah, aktiviti yang disediakan oleh pensyarah dan sejauh mana pelaksanaan pedagogi inklusif berlangsung di dalam bilik kuliah. Kesemua 40 orang siswa pendidik PISMP Ambilan Januari 2014 telah terlibat dalam kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan siswa pendidik bersetuju bahawa pedagogi inklusif telah diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Literasi Nombor. Pensyarah telah mengamalkan pelbagai pendekatan dan aktiviti yang disediakan oleh pensyarah dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh semua siswa pendidik.

Kata Kunci : Pedagogi inklusif, siswa pendidik PISMP, Literasi Nombor.

Abstract

This study aims to review the implementation of Inclusive Pedagogy among 40 PISMP students from the January 2014 Intake taking the Numerical Literacy course at Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. The survey covers a lecturer's pedagogical practice, the activites provided by the lecturer and how far inclusive pedagogy is implemented in the classroom. The findings show that students found their lecturer practising Inclusive Pedagogy in their Numerical Literacy classrooms. The lecturer adopted a variety of approaches and activities and all students were able to carry them out successfully.

Key words : Inclusive Pedagogy, PISMP students, Numerical Literacy.

*Email: khalidah@ipik.edu.my